

## **CURATOR CHOICE**

### **Biografi Pelukis (Hashim Hassan)**

Prof. Madya Hj. Hashim Hassan dilahirkan di Johor, Darul Takzim pada 1937. Beliau telah menamatkan latihannya di England iaitu di salah sebuah institusi yang dikenali sebagai Brinsford Lodge Teacher Training College dan di sini beliau memulakan kariernya sebagai seorang guru. Hashim Hassan salah seorang pelukis terkenal dalam seni Moden dan Kontemporari di Malaysia yang telah menghasilkan karya-karya dekorasi dengan gaya yang mencerminkan pengaruh gaya estetik menerusi penggunaan unsur-unsur tekstil batik ketika beliau terlibat dalam pergerakan berpusatkan Melayu dalam Lapan Puluhan. Beliau mempelajari Reka Bentuk Grafik dengan Tipografi, Tanda dan Simbol di Canterbury College of Art pada tahun 1965 hingga 1969. Beliau berasal dari Jabatan Grafik dan melanjutkan pengajiannya di Sekolah Seni di Ohio University dan menerima Ijazah Sarjana pada tahun 1974. Beliau kemudian dinaikkan pangkat sebagai Pensyarah Kanan dan merupakan salah seorang pensyarah Reka Bentuk Grafik yang mengajar di salah sebuah Sekolah Seni dan Reka Bentuk di Universiti Teknologi MARA. Penglibatannya dalam bidang seni telah lama dan mempunyai pengalaman yang luas dalam menggabungkan unsur-unsur grafik dalam lukisan. Pada masa yang sama, beliau baru dilantik sebagai salah seorang bapa "*Logo Hari Kebangsaan*" dan pernah mengadakan satu pameran solo iaitu "*Titian Nusantara (Titik-titik Nostalgia)*" yang bertempat di TJ Gallery Kuala Lumpur pada tahun 2009. Pada tahun 1993, beliau dianugerahkan sebagai Ahli Mangku Negara (AMN). Pemilihan karya bertajuk "Laluan Masa/ Passage of Time" tahun 2006 diperolehi secara belian dari pelukis sendiri. Hashim Hassan tersenarai dalam kalangan pelukis yang menghasilkan karya merujuk kepada seni tradisi dan sebagai pelukis era pencarian identiti dalam Seni Moden Malaysia.

Diskripsi karya



Hashim Hassan

**Laluan Masa/ *Passage of Time***

2006


Media Campuran atas kanvas

122 cm x 123cm

2007.034


Teknik yang digunakan menjurus kepada sapuan tebal dan nipis pada bahagian permukaan karya. Penggayaan pada setiap motif dan imej dalam karya yang diterapkan dan diterjemahkan dengan gabungan unsur-unsur abstrak berbentuk dua dimensi dalam konteks Surealis (*Surrealism*).

Menerusi pengamatan dalam karya “Laluan Masa / *Passage of Time*”, Pelukis Hashim Hassan begitu konsisten dalam menonjolkan dan menyetengahkan motif budaya yang mencerminkan identiti kebangsaan. Karya ini lebih berorientasikan adat dan tradisi menerusi penggayaan elemen-elemen yang terdapat pada batik tempatan, penyatuan warna-warna harmoni, pengolahan simbol dan dekorasi motif. Dalam konteks ini, pelukis mula mencerminkan atmosfera menerusi tingkap alam bawah sedar (*Surrealism*) atau angkasa. Imej-imej orbit yang separuh gelap dengan jarak dekat antara satu sama lain dikaitkan sebagai satu komunikasi yang menggambarkan dunia nyata dan perubahan masa. ‘Wau’ sebagai simbol interpretasi mewakili Angkasawan Malaysia yang terbang jauh ke angkasa untuk mencapai kejayaan. Karya ini dilambangkan sebagai semangat Malaysia yang ditonjolkan, di angkat seiring dengan kejayaan yang dikecapi dan khalayak perlu melihat kembali apa yang tersirat dan tersurat dalam budaya Melayu itu. Menerusi pengamatan dari karya ini, pelukis menterjemahkan sesuatu isu penting sebagai harapan dengan penggantian imej-imej tradisional walaupun pada realitinya semua perkara itu layu dari ingatan generasi kini berikutan dengan perkembangan masa.



Barisan motif ‘*pucuk rebung*’


Motif ‘*pucuk rebung*’ sering didengar dan di temui pada songket telah diangkat penggunaannya menerusi karya ini yang disusun secara beralun. ‘*Pucuk rebung*’ sebagai simbol kesuburan yang mempunyai kekuatan dan ianya dilakarkan dalam bentuk segi tiga dipanggil sebagai ‘*Pucuk Rebung Gigi Bota*’ kerana corak itu merujuk kepada motif ‘*pucuk rebung*’ yang serupa seperti ‘*gigi bota*’ serta dapat dilihat pada baris atas dan bawah mempunyai gigi gergasi. Dalam songket, motif ‘*pucuk rebung*’ menjadi pola tarik yang banyak ditemukan pada kain iaitu di kain panjang dan di kepala kain atau sarong. Motif ‘*pucuk rebung*’ sering dikaitkan dengan peribahasa Melayu iaitu “*Melentur buluh biarlah dari rebungnya*”. Ia menekankan aspek kemajuan negara atau rantau sebagai platform untuk kehidupan.



Disebalik itu, *'pohon beringin'* dinamakan sebagai "*Banyan tree*" di Malaysia dan di Indonesia di kenali sebagai "*Gunungan*". Pohon beringin ini dipanggil sebagai gunung kerana ia berbentuk segitiga merujuk kepada seni Islam yang indah dan bertujuan mencapai kesempurnaan hidup. *'Banyan tree'* mempunyai banyak mitos dalam cerita Melayu. Pemakaian motif *'Pohon Beringin'* ini sebagai satu motif dalam ukiran kayu Melayu dan digunakan sebagai permulaan serta pembukaan dalam Tarian Tradisi Melayu iaitu *'Wayang Kulit'*. Subjek-subjek dalam karya ini diolah dan mempunyai perkaitan makna, sejarah dan hikayat Melayu. Karya ini dikupas menerusi penerapan elemen-elemen seni dan persekitaran yang berpandukan kepada dasar Kebudayaan Kebangsaan (1971) dengan memasukkan unsur-unsur Islam yang kini menjadi budaya.

Menerusi karya ini, pelukis merasakan seni visual digunakan sebagai satu medium seni dalam mencari identiti berdasarkan kepada pendapat oleh Hashim Hassan mengatakan bahawa "*alangkah mudahnya dengan meletakkan motif kerawang yang sudah diminati ramai kepada sesuatu objek kontemporari sudah dianggap sebagai identiti Melayu yang dimodenkan*" (Source from *Inti: Jernal Perintis Pendidikan Senilukis dan Senireka*, pg. 3).





Oleh itu, perhatian khas diberikan kepada sifat dan jiwa orang Melayu seperti imej 'bangau' dalam karya. Bahkan, 'Bangau' yang digambarkan bukan sekadar memberi makna meluncur di atas air malahan motif 'bangau' diletakkan sebagai hiasan atau monumen di perahu dan hiasan pada bot yang terdapat dalam ukiran kayu tradisional serta mewakili identiti kebangsaan. Imej 'bangau' lebih mencerminkan gaya Moden serta unsur-unsur grafik dan tekstil yang digunakan.

Berdasarkan kepada artikel bertajuk "Pandangan Hidup Melayu" oleh Mahayudin Al Mudra (2007) bahawa "*Generasi kini mula melupakan kebudayaan Melayu yang berakar umbi dalam masyarakat Melayu. Kebudayaan barat dan moden telah sedikit demi sedikit mengambil alih tempat di dalam kebudayaan Melayu.*" Menerusi kedua-dua petikan tersebut dapat dirumuskan bahawa karya ini memberi impak yang besar terhadap seni negara dalam mempertahankan aspek nilai tradisional dan estetika yang sering dilihat dalam seni Melayu lama sebagai pencarian identiti tersendiri dengan penghasilan karya yang berpandukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Ia juga sebagai penghargaan terhadap seni dan pandangan kehidupan orang Melayu yang telah dipinggirkan oleh aliran kemodenan.

## **Rujukan**

*Inti: Jernal Perintis Pendidikan Senilukis dan Senireka, pg. 3.*

*Inventori Himpunan Tetap Seni Visual Negara 2004-2009.*

Muliyadi Mahamood (2007). "*Modern Malaysian Art from the pioneering era to the pluralist era (1930s-1990).* Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Muliyadi Mahamood (2009). "*Kembara Panjang Hashim Hassan*", pg. 42-45.

Dewan Budaya.

Mahayudin Al Mudra (2007). "Pandangan Hidup Melayu".

Muliyadi Mahamood (1991). ""Burung Batik" Hashim Hassan", pg. 27-29.

Mastika.

### **Katalog**

Titian Nusantara (Titik-titik Nostalgia): An exhibition of paintings by

Hashim Hassan.

### **Temuramah**

Interview with Prof Madya Hj. Hashim Hassan pada October 22, 2016 at his

home in Jalan SS 15/5g, Masjid Subang Jaya.

Interview with Y. Bhg. Mulia Prof. Raja Dato' Zahabuddin Raja Yaacob.

The interview was held in meeting room at Museum in Shah Alam on  
November 14, 2016.